

YSD tabour bakti

Tawar 380 biasiswa, dermasiswa bernilai RM22.6j kepada rakyat Malaysia serta luar negara

>>**Oleh Shuhada Mansor**

darmansor@hmetro.com.my

ANTARA aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) Sime Darby Berhad yang dilaksanakan melalui Yayasan Sime Darby (YSD) sebagai pelaksana CSR badan korporat itu sejak lebih 30 tahun lalu, menawarkan biasiswa kepada pelajar yang layak.

Berikut penggabungan Sime Darby, Guthrie dan Golden Hope pada 2007, YSD yang bidang tugasnya disusun semula agar selari dengan CSR, dilancar kembali pada 10 Ogos 2009 dengan lima tugas utama iaitu pembangunan komuniti, pelajaran, belia, sukan dan rekreasi, seni dan budaya, pemuliharaan persekitaran serta pemeliharaan ekosistem.

Sejak ditubuhkan, YSD memberi biasiswa kepada lebih 1,400 penuntut untuk pengajian dalam dan luar negara membabitkan jumlah keseluruhan kira-kira RM142 juta selain aktif dalam program pembangunan sukan negara. Melalui program pembangunan komuniti, YSD mendokong inisiatif dalam mempromosi kesejahteraan masyarakat tanpa mengira bangsa, budaya, agama maupun jantina.

Yayasan itu komited menawarkan biasiswa kepada mereka yang berkelayakan malah elemen pembangunan pelajaran diperluaskan lagi melalui tawaran biasiswa dalam pelbagai kategori terutama kepada mereka yang berpendapatan rendah di luar bandar.

Tahun ini YSD menawarkan 380 biasiswa dan dermasiswa bernilai RM22.6 juta bukan saja kepada rakyat Malaysia yang layak malah negara lain seperti Indonesia, China serta Liberia yang mahu melanjutkan pelajaran sama ada di peringkat pengajian tinggi di dalam, maupun luar negara.

Daripada 380 bantuan itu, 120 penuntut yang mempunyai kekangan kewangan, tetapi berhasrat melanjutkan pengajian vokasional diberi peluang berbuat demikian di akademi dan kolej kelolaan Sime Darby termasuk Akademi Perladangan Sime Darby (SDPA), Kolej Kejururawatan dan Sains Kesihatan Sime Darby (SDNHSC) dan Akademi Industri Sime Darby (SDIA).

Akademi Perladangan Sime Darby (SDPA)

Terletak di Pulau Carey, Selangor, yang beroperasi sejak 1994, menawarkan kursus latihan, diploma dan ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan pertanian dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM).

Penuntut akademi ini boleh melanjutkan pelajaran ke tahun dua kursus diploma di UPM jika mendapat CGPA 3.0 serta mendapat biasiswa RM15,000 untuk pengajian dua tahun. Mereka akan menjalani latihan industri perladangan berdasarkan kurikulum universiti.

Selain program bantuan kewangan, akademi ini turut menawarkan latihan sokongan sektor perladangan selama dua tahun kepada kira-kira 100 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang layak.

Akademi Industri Sime Darby (SDIA)

Dibangunkan pada 2002, terletak di Puchong, Selangor, berfungsi sebagai pusat latihan dan pembangunan kepada kakitangan Sime Darby dan pelanggan luar.

Melalui akademi ini, YSD menawarkan biasiswa RM30,000 untuk pengajian dua tahun kepada lepasan SPM dan belia terpilih yang berumur antara 18 hingga 25 tahun, terutama daripada keluarga berpendapatan rendah untuk mengikuti kursus Sijil Kemahiran Malaysia.

Kolej Kejururawatan dan Sains Kesihatan Sime Darby (SDNHSC)

Beroperasi sejak 1995, kejayaannya boleh dilihat melalui pencapaian kadar kelulusan penuntut iaitu sebanyak 98 peratus sejak 15 tahun lalu, malah latihan praktikal turut diadakan SDMC,

Fakta

Sejak ditubuhkan, YSD memberi biasiswa kepada lebih 1,400 penuntut untuk pengajian dalam dan luar negara membabitkan jumlah keseluruhan kira-kira RM142 juta selain aktif dalam program pembangunan sukan negara.

Subang Jaya,

Program pengukuhan kemahiran di akademi ini menawarkan biasiswa berjumlah RM 67,000 untuk pengajian tiga tahun bagi mereka yang ingin melanjutkan pelajaran dalam diploma kejururawatan dan diploma dalam teknologi makmal perubatan.

Sementara itu, program dermasiswa YSD menawarkan 60 dermasiswa kepada lepasan SPM dari keluarga berpendapatan rendah kurang RM2,500 yang berminat mengikuti latihan hospitaliti industri penjagaan kesihatan, penjagaan kesihatan di rumah, penjagaan orang tua, anak yatim, penjagaan harian dan klinik komuniti selama enam bulan.



BELAJAR...SDIA membantu pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah mengikuti kursus Sijil Kemahiran Malaysia.





PUSAT LATIHAN...SDIA berfungsi sebagai pusat latihan dan pembangunan kepada kakitangan Sime Darby dan pelanggan luar.



MEGAH...SDPA menawarkan kursus latihan, diploma dan ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan pertanian dengan kerjasama UPM.